

# Kempen Keahlian Percuma

## apabila anda berbelanja minimum RM10.00

### Soalan Lazim

**1. Berapa lamakah tempoh kempen ini?**

Kempen ini bermula dari 1 Oktober hingga 31 Disember 2023.

**2. Saya bukan ahli Cosway. Bagaimana untuk saya mendaftar secara percuma?**

Anda boleh berkunjung ke mana-mana kedai Cosway atau secara online di [www.cosway.com.my](http://www.cosway.com.my) untuk didaftarkan dan berbelanja minimum RM10.00 untuk produk-produk Cosway (termasuk C, N, T, P, S, V, B, M, RN, Q). Jika anda mempunyai rakan yang sudah menjadi ahli, anda boleh menyertai di bawah ID penaja rakan anda. Sila isi Borang Permohonan Keahlian dan serahkan kepada operator kedai. Anda dikehendaki memberikan maklumat yang tepat untuk pendaftaran anda bagi menerima manfaat keahlian penuh dan berita promosi.

**3. Sekiranya saya seorang VIP Shopper / BO bagi eCosway, bolehkah saya memperbaharui keahlian saya secara percuma?**

Tidak, kempen ini adalah untuk keahlian Cosway. Walau bagaimanapun, anda boleh menyertai sebagai ahli Cosway baharu secara percuma di bawah kempen ini.

### Pendaftaran Baharu

**4. Apa yang saya peroleh jika saya menyertai sebagai ahli Cosway di dalam kempen ini?**

Anda akan menerima e-katalog Tawaran Istimewa Ahli secara bulanan melalui e-mel dan e-baucar hari jadi bernilai RM200.00. Anda juga menerima insentif dan bonus mengikut SMART Membership Manual (<https://bit.ly/3zMXCFr>), Kupon e-Penebusan (eRC) untuk menebus produk-produk hebat dan membeli Satu (1) Set Permulaan dengan penjimatan sehingga 50%. Selain itu, anda akan menerima e-baucar alu-aluan RM8.00 pada pembelian pertama anda semasa pendaftaran dengan perbelanjaan sebanyak RM80.00 dan juga dapat menikmati tawaran **Ganjaran Alu-aluan** ([https://shop.cosway.com.my/cosway/my/BusinessTemplateFile\\_my.jsp?fl=Welcome-Rewards](https://shop.cosway.com.my/cosway/my/BusinessTemplateFile_my.jsp?fl=Welcome-Rewards)). Anda juga akan diberikan Satu (1) Kit Permulaan PERCUMA untuk memulakan perniagaan melalui keahlian Cosway anda. Anda berhak membuat pembelian satu kali sehingga 3 item (1 unit setiap satu) untuk Ganjaran Alu-aluan setelah pendaftaran keahlian anda.

**5. Saya memahami dengan keahlian percuma ini, saya hanya layak menerima e-katalog Tawaran Istimewa Ahli. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya saya ingin mendapatkan katalog fizikal?**

Anda boleh mendapatkan katalog bulanan bercetak secara percuma daripada kedai Cosway yang terdekat. Setiap ahli yang baharu mendaftar berhak mendapat Satu (1) salinan fizikal setiap bulan, selagi stok masih ada.

### E-baucar alu-aluan RM8.00

**6. Bagaimana saya mendapatkan e-baucar alu-aluan RM8.00?**

Ahli yang baru mendaftar berhak mendapatkan e-baucar alu-aluan bernilai RM8.00 dengan perbelanjaan RM80.00 untuk pembelian pertama semasa pendaftaran. Anda boleh mendapatkan e-baucar alu-aluan maksimum 2 x RM8.00 dalam satu resit. E-baucar alu-aluan bernilai RM8.00 boleh digunakan pada pembelian seterusnya dengan perbelanjaan minimum RM50.00 (termasuk kategori promosi P, S, V, B, M).

**7. Mengapa e-baucar alu-aluan RM8.00 tidak boleh digunakan pada kategori produk N&T?**

E-baucar alu-aluan RM8.00 dari Kempen Keahlian Percuma digunakan untuk meningkatkan jualan item promosi. Oleh itu, baucar ini tidak sah digunakan untuk pembelian produk yang dijual pada harga ahli biasa untuk kategori N&T.

### **Pembaharuan**

8. **Apa yang perlu saya lakukan untuk mendapatkan pembaharuan keahlian percuma? Berapa lamakah tempoh keahlian percuma ini?**

Anda hanya perlu mengunjungi mana-mana kedai Cosway dan berbelanja minimum RM10.00 bagi produk-produk Cosway untuk memperbaharui keahlian anda selepas bulan luput. Sebagai contoh, jika keahlian anda telah luput pada bulan Julai 2023 dan jika anda memperbaharui keahlian anda pada Oktober 2023, keahlian percuma anda akan bertahan sehingga bulan Julai 2024 berdasarkan bulan berakhirnya keahlian anda. Anda dinasihatkan untuk memperbaharui keahlian anda dengan segera.

9. **Apa yang saya peroleh sekiranya saya memperbaharui keahlian Cosway dalam kempen ini?**

Anda akan menerima e-katalog Tawaran Istimewa Ahli secara bulanan melalui e-mel dan e-baucar hari jadi bernilai RM200.00. Anda juga menerima insentif dan bonus mengikut SMART Membership Manual (<https://bit.ly/3zMXCFr>), Kupon e-Penebusan (eRC) untuk menebus produk-produk hebat. Secara tambahan, anda juga akan menerima **e-baucar pembaharuan RM15.00 PERCUMA** dan juga dapat menikmati tawaran **Ganjaran Alu-aluan** ([https://shop.cosway.com.my/cosway/my/BusinessTemplateFile\\_my.jsp?fl=Welcome-Rewards](https://shop.cosway.com.my/cosway/my/BusinessTemplateFile_my.jsp?fl=Welcome-Rewards)). Anda berhak membuat pembelian satu kali sehingga 3 item (1 unit setiap satu) untuk Ganjaran Alu-aluan setelah pembaharuan keahlian anda.

10. **Saya memahami dengan Kempen Keahlian Percuma ini, saya hanya layak menerima e-katalog Tawaran Istimewa Ahli. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya saya ingin mendapatkan katalog fizikal?**

Anda boleh mendapatkan katalog bulanan bercetak secara percuma daripada kedai Cosway yang terdekat. Setiap ahli yang baharu mendaftar berhak mendapat Satu (1) salinan fizikal setiap bulan, selagi stok masih ada.

11. **Sekiranya keahlian saya luput pada bulan Disember 2023, adakah saya layak mendapat pembaharuan keahlian percuma dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM10.00?**

Ya, anda berhak untuk memperbaharui secara percuma kerana tempoh luput ahli anda berada dalam tempoh kempen (Oktober – Disember 2023). Namun demikian, anda hanya boleh memperbaharui keahlian anda di bulan Januari 2024. Jika keahlian anda luput di bulan Januari 2024, anda tidak layak untuk menikmati tawaran ini.

12. **Bagaimanakah e-baucar pembaharuan RM15.00 percuma berfungsi?**

Ahli pembaharuan akan menerima e-baucar RM15.00 percuma yang boleh digunakan dengan perbelanjaan RM120.00 untuk kategori promosi P, S, V, B, M.

### **Pembaharuan Automatik**

13. **Bagaimana saya layak mendapat keahlian pembaharuan automatik?**

Kelayakan minimum untuk pembaharuan automatik ialah RM600.00 (setahun) sepanjang tempoh kempen berlangsung.

Sekiranya bulan luput keahlian anda jatuh pada bulan Oktober 2023 dan anda telah membelanjakan RM600.00 sepanjang tahun sehingga Oktober 2023, maka keahlian anda akan diperbaharui secara automatik.

14. **Siapa yang berhak menikmati Ganjaran Kesetiaan?**

Ganjaran Kesetiaan ([https://shop.cosway.com.my/cosway/my/BusinessTemplateFile\\_my.jsp?fl=Loyalty-Rewards](https://shop.cosway.com.my/cosway/my/BusinessTemplateFile_my.jsp?fl=Loyalty-Rewards)) adalah khas untuk ahli dengan pembaharuan automatik yang memenuhi syarat minimum RM600.00 yang dibelanjakan dalam setahun. Anda berhak membuat pembelian sekali sahaja sehingga 3 item (1 unit setiap satu) melalui kedai Cosway.

Catatan: Anda layak membeli Ganjaran Kesetiaan setelah keahlian anda luput dan layak untuk pembaharuan automatik.

15. **Bagaimanakah saya tahu bahawa saya layak untuk mendapat e-baucar kesetiaan RM30.00 dan hadiah percuma?**

Jika keahlian anda layak untuk pembaharuan automatik daripada Oktober – Disember 2023, anda akan mendapat e-baucar RM30.00 PERCUMA (e-baucar RM15.00 x 2) semasa tempoh kempen (Oktober – Disember 2023). Setiap e-baucar RM15.00 hanya boleh digunakan semasa pembelian seterusnya dengan perbelanjaan minimum RM120.00 dalam satu resit di bawah kategori promosi P, S, V, B, M. Berbilang baucar dibenarkan. Anda boleh menebus hadiah percuma dengan sebarang pembelian. Anda akan menerima satu SMS daripada syarikat berkenaan tempoh sah baucar dan kod baucar (masukkan Nombor Keahlian anda sebagai kod baucar).